




Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

**PERLINDUNGAN UNTUK
SIMPANAN BANK ANDA
SEHINGGA RM250,000**




Sistem Insurans Deposit

APAKAH PIDM?

PIDM ialah agensi Kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM).

PIDM menyediakan dua sistem untuk melindungi anda sebagai:

- Pendeposit di bawah Sistem Insurans Deposit
- Pemilik sijil takaful dan polisi insurans di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans



BAGAIMANAKAH PIDM MELINDUNGI ANDA?

PIDM melindungi simpanan bank anda yang layak sehingga **RM250,000** sekiranya sesebuah bank ahli menjadi mufis.

Bagaimana Sistem Insurans Deposit berfungsi:



Perhatikan tanda keahlian ini untuk mengetahui sama ada bank anda merupakan ahli PIDM.




Anda menyimpan wang anda di bank.



PIDM akan membayar balik simpanan bank anda sehingga **RM250,000** dengan segera.

- Perlindungan adalah automatik – tiada permohonan dan pembayaran diperlukan.
- Sekiranya bank ahli menjadi mufis, anda tidak perlu membuat sebarang tuntutan.
- PIDM akan membayar balik simpanan bank anda yang dilindungi berdasarkan rekod bank anda.
- PIDM akan mengumumkan bagaimana, di mana dan bila pembayaran akan dibuat.





APAKAH YANG DILINDUNGI?

Simpanan bank anda yang layak, dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) atau mata wang asing, dilindungi sehingga RM250,000 **bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli**. Had ini termasuk amaun prinsipal deposit dan faedah/pulangan deposit tersebut. Akaun atau produk deposit yang dilindungi oleh PIDM termasuk:

- Akaun simpanan
- Akaun semasa
- Deposit tetap

Individu yang mempunyai beberapa akaun atau produk deposit **dalam sesebuah bank ahli** boleh menikmati perlindungan berasingan. Sila rujuk contoh di bawah.

Pemegang Akaun di Bank XYZ	Jenis Akaun	Produk Deposit	Amaun (RM)	Dilindungi (RM)
Zamri 	Individu	Simpanan	100,000	250,000
		Semasa	100,000	
		Deposit Tetap	100,000	
Zamri dan isteri 	Bersama	Deposit Tetap	220,000	220,000
Zamri, Ahmad & Co (firma guaman) 	Amalan Profesional	Semasa	280,000	250,000
Zamri Auto Sdn Bhd 	Syarikat	Semasa	180,000	180,000
Jumlah deposit			980,000	
Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM				900,000



APAKAH YANG TIDAK DILINDUNGI?

- Akaun pelaburan
- Unit amanah, saham dan syer
- Produk atau akaun pelaburan berkaitan emas
- Deposit yang tidak boleh dibayar di Malaysia

Sila rujuk kepada bank anda untuk senarai akaun atau produk deposit yang dilindungi dan tidak dilindungi oleh PIDM.





APAKAH YANG BOLEH SAYA LAKUKAN?

- ✓ Pastikan sama ada bank anda ialah ahli PIDM - senarai ini boleh didapati di laman web PIDM
- ✓ Perhatikan tanda keahlian PIDM



- ✓ Tanya bank anda sama ada akaun atau produk deposit anda dilindungi oleh PIDM

Apabila anda membuka akaun deposit baharu, bank anda hendaklah:

1. Memaklumkan kepada anda sama ada akaun ini dilindungi oleh PIDM atau tidak
2. Memberikan risalah PIDM kepada anda
3. Mendapatkan perakuan bahawa anda telah dimaklumkan mengenai perkara (1) di atas dan diberi risalah seperti dalam perkara (2) di atas



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Bahagian Komunikasi & Hal Ehwal Awam

Aras 9, Bangunan AICB, 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2173 7436 / 2265 6565 Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432